

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
(b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) kepada penyimpan.	2
P2 Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan masalah yang difikirkan ibu bapa apabila anak-anak mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di universiti.	2
P3 Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan kekangan-kekangannya.	2
P4 Rumusan / Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).	1
P5 Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / keistimewaan-keistimewaan menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan kekangan-kekangannya.	1
P6 Petikan / Rumusan insentif-insentif menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan kekangan-kekangannya.	0

Isi-isi tersurat (Insentif-insentif menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) [4 hingga 12 markah]

- S1 pelan tabungan pendidikan **patuh syariah**
- S2 menawarkan dividen simpanan kompetitif pada setiap tahun **dengan kadar 4 peratus.**
- S3 dijamin oleh kerajaan
- S4 menawarkan manfaat takaful **bagi 36 penyakit kritikal**
- S5 menawarkan manfaat perlindungan kemalangan **sehingga RM1 juta**
- S6 khairat kematian **kepada penyimpan, pasangan dan sehingga tiga orang anak**
- S7 pelepasan taksiran cukai pendapatan pada setiap tahun kepada penyimpan **sehingga RM8,000.00**
- S8 ibu bapa boleh mencarum secara bulanan **serendah RM30.00** sebulan bagi setiap anak

Frasa yang berhuruf tebal MESTI ADA dalam jawapan calon. Sekiranya tiada jawapan calon bagi isi tersebut tidak diterima - 0 markah

Isi-isi tersirat (Kekangan-kekangannya) [4 hingga 12 markah]

- T1 masyarakat tidak mengetahui / tiada pendedahan tentang skim ini
- T2 kemampuan kewangan untuk menabung / wang tidak mencukupi
- T3 tidak mempunyai kesedaran kepentingan menabung
- T4 lebih mementingkan keperluan / kehendak lain
- T5 tidak berminat untuk menabung dalam skim ini
- T6 pengurusan kewangan yang lemah

Kesimpulan [2 markah]

1. Kesimpulannya, masyarakat perlu menabung dalam **Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)** agar kehidupan lebih terjamin. [2 markah] – **HURUF TEBAL WAJIB ADA**
2. Kesimpulannya, masyarakat perlu menabung dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). [1 markah]

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a)	:	9 markah
Soalan 2(b)	:	9 markah
Soalan 2(c)	:	8 markah
Soalan 2 (d)	:	9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
– Jawapan tidak tepat/salah	0

ii. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis – Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

iii. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum**(i) Maksud rangkai kata *mempunyai risiko***

- mendatangkan / menimbulkan / mengundang kesan / implikasi / impak / akibat
- mendatangkan / menimbulkan / mengundang risiko
- mempunyai kesan / implikasi / impak / akibat

Markah

2

1

1

[Maksimum 2 markah]**(ii) Masalah-masalah**

- P1 kos yang tinggi untuk membiayai yuran pengajian
P2 kos sara hidup anak-anak di universiti
P3 ibu bapa tidak perlu memikirkan masalah untuk menampung kos rawatan anak-anak di universiti sekiranya mereka jatuh sakit

[Maksimum 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk menjamin kehidupan anak-anak pada masa hadapan**

- P1 memberikan pendidikan
P2 menyediakan rumah / tempat tinggal
P3 memastikan kesihatan anak-anak terjaga
P4 mencari pasangan hidup yang sesuai
P5 menentukan / membimbing hala tuju kerjaya
P6 memastikan aspek keselamatan anak-anak

[Maksimum 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**(i) Alasan penulis tidak membelanjakan keseluruhan wang**

	Markah
P1 untuk perkara-perkara yang tidak dijangkakan	1
P2 persediaan jika dilanda musibah	1
P3 jika perlu mendapatkan rawatan segera dengan menggunakan wang sendiri	1
P4 keadaan rambang mataku yang satu ini pantang berjumpa bahan bacaan	1

[Maksimum 2 markah]**(ii) Faedah-faedah aktiviti pelancongan kepada masyarakat setempat**

- P1 dapat memajukan prasarana / infrastruktur / kemudahan asas
 P2 dapat membuka peluang pekerjaan baharu
 P3 dapat mempelajari adat dan budaya pelancong yang melancong ke kawasan yang dikunjungi
 P4 dapat membuka ruang perniagaan di kawasan pelancongan
 P5 dapat memperkenalkan produk tempatan / satu daerah satu produk
 P6 dapat mempromosikan tempat mereka kepada pelancong

[Maksimum 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Pengajaran dalam petikan**

	Markah
P1 Kita hendaklah bijak merancang perbelanjaan dan membeli sesuatu mengikut keperluan. Contohnya, 'aku' tidak membelanjakan semua wangnya kerana untuk perkara-perkara yang tidak dijangkakan.	1+1
P2 Kita hendaklah rajin menimba ilmu / menyediakan wang untuk membeli bahan bacaan. Contohnya, penulis banyak menghabiskan duitnya dengan membeli bahan bacaan seperti buku dan majalah.	1+1
P3 Kita hendaklah sentiasa menjaga kesihatan semasa melancong. Contohnya, aku membawa ubat-ubatan sebagai persediaan ketika melancong.	1+1

Pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen

	Markah
K1 Kita perlulah berusaha untuk menyelamatkan hidupan liar daripada kepupusan. Contohnya, penulis sanggup mendermakan hasil jualan jaket kulit kijang kepada zoo yang ada memelihara kijang kerana perasaan sayangnya terhadap hidupan liar.	1+1
K2 Kita hendaklah gigih dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, pekedai di Grand Bazaar gigih memujuk aku dan kawan-kawan supaya membeli jaket kulit kijang	1+1
K3 Kita hendaklah menambahkan pengetahuan dan pengalaman dengan melancong/melawat ke luar negara sekiranya mempunyai kemampuan. Contohnya, aku pergi melancong ke Istanbul, Turki untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman hidup di luar negara	1+1
K4 Kita hendaklah bersikap murah hati dengan membantu orang yang memerlukan pertolongan. Contohnya aku memberi wang sebanyak lima diria kepada wanita tua yang menjual makanan burung walaupun harganya hanyalah satu diria.	1+1
K5 Kita hendaklah bersikap baik hati dengan keluarga dan rakan-rakan. Contohnya, aku merancang untuk membeli cenderamata untuk keluarga dan rakan-rakan di tanah air semasa melancong di Istanbul.	1+1

[Maksimum 4 markah]*[Lihat halaman sebelah*

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**(i) Maksud *orang berasal***

	Markah
- Berketurunan / darah / golongan / pembesar istana / dalam kalangan yang berkedudukan	2
- Orang istana / yang berkedudukan	1
- Berketurunan / darah / golongan / pembesar berasal	1

(ii) Perkara yang terjadi setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi orang besar

- P1 berlaku pepecahan rakyat / anak Melayu pun berpecah-belah / berbelah
 P2 sesetengah menyokong Paduka Raja sesetengah menyokong Seri Nara Diraja
 P3 Seri Nara Diraja dan Paduka Raja sentiasa beringgit / bermusuhan
 P4 Sultan Muzaffar Syah terlalu berdukacita melihat perilaku Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pemimpin untuk memperoleh sokongan rakyat

- P1 Meningkatkan taraf hidup rakyat / meningkatkan peluang pekerjaan / mengurangkan pengangguran / memajukan ekonomi negara / rakyat
 P2 Membangunkan / memajukan kawasan luar bandar
 P3 Menyeimbangkan pembinaan infrastruktur antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar
 P4 Mengurangkan kerenah birokrasi dalam semua urusan
 P5 Memberi keutamaan kepada usaha memperkasakan pendidikan
 P6 Meningkatkan integriti di semua peringkat / jabatan
 P7 Sentiasa turun padang bertemu rakyat

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (d) – Sajak**(i) Keluhan penyajak****Markah**

- kesunyian kerana malam yang dilaluinya begitu sepi
- keadaan itu tetap tidak berubah pada keesokan harinya
- tiada sesiapa yang datang menziarahinya

1
1
1

[Maksimum 2 markah]**(ii) Cara untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa**

- P1 Sentiasa mentaati perintah ibu bapa / menghormati ibu bapa
- P2 Menghadihkan kejayaan dalam hidup kepada mereka
- P3 Memelihara dan menjaga mereka apabila ibu bapa kita tua / sakit
- P4 Membantu mereka melakukan sesuatu perkara
- P5 Sentiasa menziarahi mereka
- P6 Berusaha memenuhi keinginan mereka / menyediakan tempat tinggal / kemudahan
- P7 Memberikan hadiah kepada mereka
- P8 Mendoakan kesejahteraan mereka

[Maksimum 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Nilai dalam sajak****Markah**

- P1 Nilai **ketabahan**. Contohnya, penyajak tabah mengharungi kehidupan seorang diri dan kesunyian tanpa dihiraukan oleh anak-anak
- P2 Nilai **kasih sayang**. Contohnya, penyajak tetap menyayangi anaknya walaupun anaknya itu tidak mempedulikannya
- P3 Nilai **keinsafan**. Contohnya, penyajak sedar dan insaf bahawa yang kekal hanyalah Tuhan.

1+1
1+1
1+1

[Maksimum 4 markah]

SOALAN 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

Jawapan 3(a)

- | | | | |
|-------|-------------|---|---|
| (i) | bangun | - | bangkit (daripada duduk, tidur,dll), jaga, sedar, insaf, menjadi cair (minyak yang beku) |
| (ii) | pembangunan | - | perihal membangun, proses membangun, usaha atau kegiatan membangunkan |
| (iii) | putih | - | warna paling cerah (spt warna kapas), bersih, murni, suci |
| (iv) | pemutihan | - | perihal (proses atau perbuatan) menjadikan berwarna putih atau cerah, gerakan (program atau proses) yg dijalankan oleh pihak berkuasa. |
| (v) | tempat | - | sesuatu yg digunakan utk menaruh (menadah,menyimpan,dll), bekas, wadah, ruang (kawasan dll) utk melakukan sesuatu, bahagian tertentu daripada sesuatu, kawasan tertentu, daerah, kampung, negeri, kedudukan, keadaan, letak (sesuatu) |
| (vi) | petempatan | - | kawasan yang baru dibuka untuk didiami orang |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (b)

- | | | | |
|-------|----------|---|--|
| (i) | Subjek | - | Anak Haji Harun |
| | Predikat | - | yang memakai baju kurung berwarna kuning itu |
| (ii) | Subjek | - | Fariz |
| | Predikat | - | meminati pasukan bola sepak Liverpool sejak sekolah rendah lagi. |
| (iii) | Subjek | - | Keselamatan harta benda awam |
| | Predikat | - | menjadi tanggungjawab setiap pihak di negara ini. |

[Maksimum : 6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Jawapan 3 (c)

- (i) pamflet - pamflet
belangsung - berlangsung
- (ii) juru jual - jurujual
kebanyakkan - kebanyakan
- (iii) matapelajaran - mata pelajaran
pemohonan - permohonan

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- (i) sejak dari - sejak / dari
dimakan - ditelan
- (ii) pengetua sampaikan - disampaikan oleh pengetua
dorongan - sokongan
- (iii) di atas - atas
kos - elaun

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e) Peribahasa

- (i) Tuan rumah
- (ii) Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
- (iii) Yang lama dikelek, yang baharu didukung

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4
[15 Markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan teknik saspens yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk setiap penjelasan teknik saspens yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.

[Maksimum : 7 markah]

4 (b)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan pengajaran tentang kasih sayang yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian pengajaran tentang kasih sayang yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.

[Maksimum : 8 markah]

4 (a) Jelaskan **dua** teknik saspens yang terdapat dalam **sebuah** novel

Novel Pantai Kasih

1. Naluri Doktor Raiha menyatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada filem sinar-X pesakit bernama Unong Siron yang menghadapi komplikasi berulang kali sedangkan lima pembedahan terdahulu dilakukan oleh Doktor Uwang sendiri.
 - Pembaca berasa saspens / tertanya-tanya siapa sebenarnya pesakit bernama Unong Siron dan sebab dia terpaksa dibedah sebanyak enam kali di tempat yang sama. (hal. 2 – 3)
2. Doktor Raiha sering mendengar bisikan dan suara-suara aneh yang menghantuinya siang dan malam selepas kejadian tragis kematian Rohayu, anak tunggal kesayangannya. (hal. 29 – 30)
 - Pembaca tertanya-tanya tentang punca kematian sebenar anak Doktor Raiha, iaitu Rohayu binti Sadiz. Pembaca ingin tahu orang yang menjadi punca dalam kejadian yang mengorbankan anak kesayangannya itu.
3. Ayah Doktor Raiha bersungguh-sungguh membantah hasrat Doktor Raiha ingin berkahwin dengan Doktor Sadiz. Setelah beberapa tahun berkahwin dengan Doktor Sadiz, barulah Doktor Raiha mengerti sebab sebenar bapanya amat tidak bersetuju dia berkahwin dengan Doktor Sadiz. (hal. 5)
 - Pembaca tertanya-tanya perbuatan yang telah Doktor Sadiz lakukan terhadap Doktor Raiha sehingga Doktor Raiha akhirnya faham sebab bapanya bersungguh-sungguh menghalang perkahwinannya dengan Doktor Sadiz satu ketika dahulu.
4. Ketika bermonolog, Felicia Landosi berkata dia berasa amat kecewa serta bersalah dan hanya akan damai jika dia benar-benar dapat melupakan segala peristiwa hitam pada malam yang dikatakannya amat menggemparkan itu. (hal. 11)
 - Pembaca tertanya-tanya tentang dosa silam dan kejadian pada malam yang dimaksudkan oleh Felicia sehingga dia berusaha untuk melupakannya.
5. Felicia Landosi ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor di Pusat Rawatan Pantai Kasih sehingga mencetuskan rasa panik dalam kalangan kakitangan pusat rawatan tersebut.
 - Pembaca tertanya-tanya nasib yang akan menimpa Felicia apabila menjadi orang tahanan doktor palsu memandangkan pada masa itu dia juga berada dalam keadaan khayal akibat minum ubat batuk berlebihan.

Novel Bimasakti Menari

1. Pengemudi bot sukar memenuhi permintaan Nurul Hafsa yang gagal melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi agar mereka menyusur cabang sungai dan mendekati mulut anak sungai yang gelap milik individu serta menjadi kawasan larangan.
 - Pembaca berasa saspens / tertanya-tanya sebab pengemudi bot tidak mahu mendekati anak sungai dan rahsia di sebalik mulut anak sungai yang gelap serta penuh misteri itu. (hal. 21 – 22)
2. Muhammad Taufik menerima hadiah berupa jambangan bunga yang disangkannya daripada Nurul Hafsa. Namun, apabila melihat hadiah tersebut yang diikat dengan sehelai kain selendang berhias manik-manik kristal milik Nurul Hafsa, muka Muhammad Taufik menjadi pucat kerana Nurul Hafsa tentu dalam bahaya.

[Lihat halaman sebelah

- Pembaca bertanya-tanya keadaan keselamatan dan lokasi Nurul Hafsa pada masa itu serta tindakan yang akan diambil oleh Muhammad Taufik. (hal. 157)
- 3. Ketika Muhammad Taufik di stesen minyak, dia tiba-tiba ditarik masuk ke dalam van berwarna putih dan dibawa ke suatu lokasi yang tidak diketahui. Kepala Muhammad Taufik disarung dengan kain berwarna hitam di sepanjang perjalanan.
- Pembaca bertanya-tanya nasib yang akan dilalui oleh Muhammad Taufik selepas dia diculik oleh penjenayah. (hal. 161)
- 4. Peristiwa Muhammad Taufik bersungguh-sungguh benar meminta Nurul Hafsa berjanji akan meneruskan pencerapan data populasi kelip-kelip sekiranya sesuatu yang buruk terjadi kepadanya.
- Pembaca bertanya-tanya perkara yang mungkin terjadi kepada Muhammad Taufik yang bersikap pelik pada ketika itu. (hal . 97)
- 5. Peristiwa Budiman dan Nurul Hafsa berusaha menjejak tempat Muhammad Taufik ditimpa kemalangan pada malam kejadian.
- Pembaca ingin tahu keadaan dan nasib Muhammad Taufik kerana Budiman dan Nurul Hafsa mendapati dia sudah tiada di dalam kenderaan pacuan empat roda hibrid milik Muhammad Taufik. (hal. 125 - 126)
- 6. Peristiwa ketika Nurul Hafsa melihat ayahnya bercakap perlahan dengan Tan Sri Muhaimin di satu sudut seperti membincangkan perkara yang amat sulit.
- Pembaca bertanya-tanya perkara penting yang dibincangkan oleh mereka sehingga mereka bercakap perlahan. (hal. 135)
- 7. Peristiwa Budiman dipukul hingga tergelimpang ke tanah dan Nurul Hafsa dilarikan oleh tiga orang lelaki dengan kepalanya disarung kain gelap ketika mereka membuat pencerapan kelip-kelip di jeti Kampung Kuantan.
- Pembaca bertanya-tanya perkara yang mungkin akan terjadi kepada mereka selepas kejadian yang berlaku secara mengejut itu. (hal. 153 - 154)

(Terima mana-mana teknik *suspens* lain yang sesuai)

4(b) Huraikan **satu** pengajaran berkaitan kasih sayang yang terdapat dalam **dua** buah novel

Novel Pantai Kasih

1. Kita hendaklah sayang akan insan yang malang.

- Doktor Raiha melakukan pembedahan ke atas Unong Siron dan merawatnya dengan sempurna demi masa depan gadis yang malang itu. Doktor Raiha sering memeriksa Unong Siron setelah menjalani pembedahan bagi memastikan tahap kesihatan gadis itu memuaskan.

2. Kita hendaklah sayang akan anak sendiri.

- Ayah Doktor Raiha menasihati Raiha supaya tidak menjadi pakar bedah kerana berpendapat bidang tersebut tidak sesuai untuk perempuan. Ayah Doktor Raiha juga menasihatnya supaya tidak berkahwin dengan Doktor Sadiz kerana sifatnya yang angkuh dan tidak sesuai dengan Doktor Raiha. Ayah Raiha tidak mahu Doktor Raiha menghadapi masalah pada kemudian hari.

3. Kita hendaklah sayang akan anak walaupun mereka tidak normal.

- Doktor Raiha amat menyayangi anak perempuannya, Rohayu yang merupakan seorang anak istimewa kerana menghidap sindrom down. Doktor Raiha tidak mahu menghantar Rohayu ke pusat rawatan kanak-kanak istimewa kerana mahu menjaga sendiri anaknya. Ibu Inong Siron pula menghantar anaknya ke PRPK dengan harapan dia mendapat rawatan terbaik.

4. Kita hendaklah sayang akan rakan sekerja.

- Doktor Raiha menumpangkan Felicia Landosi ketika Felicia Landosi masih belum memiliki kenderaan sendiri dan sedia memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat dalam tragedi kematian Ayu.
- Doktor Raiha selalu menasihati Felicia Landosi yang sering bertindak secara tidak rasional kerana tertekan akibat pelbagai masalah peribadi.

Novel Bimasakti Menari

1. Kita hendaklah sayang akan anak sendiri.

- Tan Sri Muhaimin telah membesarkan anak tunggalnya iaitu Muhamad Taufik dengan memenuhi segala keperluan anaknya itu walaupun dia seorang bapa tunggal.
- Haji Yassir sanggup menghantar anaknya Nurul Hafsa ke Kampung Kuantan untuk mencerap kelip-kelip supaya anaknya tidak mengalami masalah untuk pergi ke tempat tersebut.
- Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham menyokong usaha Muhammad Taufik melestarikan alam sekitar seperti mengekalkan populasi kelip-kelip dan membina rumah prototaip mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam

2. Kita hendaklah sayang akan ibu bapa.

- Muhammad Taufik berusaha menyatukan ibu bapanya kembali yang lama berpisah. Nurul Hafsa pula akan membina sebuah stor untuk ayahnya menyimpan peralatan berkebun supaya tidak dicuri orang.

3. Kita hendaklah sayang akan rakan yang ditimpa musibah.

- Budiman dan Nurul Hafsa bergegas mencari Muhammad Taufik yang ditimpa kemalangan setelah diserang selepas menunaikan solat isyak. Mereka menemui Muhammad Taufik dalam keadaan berlumuran darah pada bahagian rusuknya dan menghantarnya ke Hospital Tanjung Karang setelah ambulans tiba.

[Lihat halaman sebelah

- Muhamad Taufik sanggup memenuhi arahan kumpulan penjenayah untuk bertemu di stesen minyak PETRONAS semata-mata untuk menyelamatkan sahabatnya Nurul Hafsa kerana tidak mahu keselamatan Nurul Hafsa terancam.

4. Kita hendaklah sayang akan ahli keluarga.

- Budiman sentiasa menjaga kebajikan adiknya, Nurul Hafsa dengan mendengar perasaan tidak puas hati Nurul Hafsa tentang keadaan langit di Kuala Selangor yang mengalami pencemaran cahaya dan menemani Nurul Hafsa yang ingin bertemu dengan Muhammad Taufik bagi mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa berkaitan masalah tersebut.

(Terima mana-mana pengajaran kasih sayang lain yang sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT